

Mimos mulakan projek dengan Sunway College

PETALING JAYA: Mimos Bhd akan memulakan enam projek baru dengan Sunway College untuk menyediakan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi bagi program pendidikan dan latihan kolej tersebut.

Ketua pegawai operasinya, Dr Mohamed Awang Lah berkata perkongsian itu akan memberikan peluang bagi mereka untuk mencuba perkara baru bagi faedah bersama kedua-dua pihak.

"Kami mahu melihat bagaimana IT boleh digunakan untuk pembelajaran secara lebih menyeluruh dan dengan pendekatan progresif yang boleh membantu pelajar-pelajar menyesuaikan diri dengan gaya baru kehidupan," katanya kepada pemberita selepas memeterai perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU), di sini, hari ini.

Perjanjian setahun ini membabitkan kema-

sukan ComIL authorware ke dalam kursus multimedia kolej, pembangunan kursus latihan dan pensijilan bersama serta pengiktirafan silang kursus Mimos Trading Academy dalam program IT dan Multimedia kolej tersebut.

Ia juga akan menyediakan kepada pelajar sekurang-kurangnya program latihan perindustrian selama tiga bulan di Mimos, memajukan program pendidikan jarak jauh talian terus menggunakan prasarana internet (iVest) dan menyediakan akses segera Sistem Rangkaian Setempat (LAN) kolej itu kepada internet menerusi iVest fastmail. Semua projek itu, katanya, akan dilaksanakan dalam fasa berbeza dalam tempoh setahun.

Sementara itu, pengarah eksekutif Sunway College, Tan Sri Ramon Navaratnam berkata projek itu akan memberikan pendedahan luas kepada pelajar dalam bidang IT. — Bernama

This material may be protected by the Malaysia Copyright Act. It may only be used for private study or research. Downloading or reproduction in excess of “fair dealing” may constitute copyright infringement.